

# Pelihara orkid daripada ancaman kepupusan

Oleh INTAN SUHANA CHE OMAR  
intan.suhana@medcomula.com.my

**P**ROF. Dr. Rusea Go merupakan satu-satunya anak tempatan yang melakukan penyelidikan orkid sejak mula berkhidmat pada 1993.

Sepanjang kerjayanya, anak kelahiran Sarawak ini menumpukan perhatian khusus terhadap penyelidikan orkid liar termasuk aspek taksonomi, pemuliharaan, biogeografi dan potensi gunaananya dalam hortikultur serta pemuliharan ekosistem.

Beliau menjalankan dan menyertai pelbagai ekspedisi saintifik di semua jenis hutan di Malaysia, dari Perlis hingga ke Sabah.

“Hasil penyelidikan ini, saya menemui dan menerbitkan lebih 25 spesies baharu tumbuhan termasuk lapan orkid.

Tidak keterluan dikatakan, tanpa penyelidikan dan usaha pemuliharaan daripada wanita ini, orkid mungkin diancam kepupusan.

Generasi akan datang mungkin tidak lagi dapat melihat keindahan flora yang penuh dengan keunikan, sekali gus menganggu biodiversiti semula jadi.

Beliau tidak menyangkal,



**BERJAYA**  
menemui  
lima kacukan  
orkid yang  
didaftarkan  
di United  
Kingdom.

walaupun usaha pemuliharaan dan pemeliharaan giat dijalankan, beberapa spesies sedang diancam kepupusan.

Semuanya kerana kerakusan manusia mengeksplorasi flora itu demi mengaut keuntungan tanpa memikirkan kelestarian.

“Daripada kira-kira 4,000 spesies orkid di negara ini, kebanyakannya ditinggalkan di hutan sangat sedikit, ia masih tidak dapat meneruskan hidup,” katanya yang menghasilkan lebih 270 penerbitan ilmiah dalam jurnal tumbuhan, 19 buku orkid, 2 buku tumbuhan ubatan dan 3 buku bunga liar.

“Antaranya, orkid selipar (*lady's slipper*, *paphiopedilum*, kupu-kupu (*moth*), *phalaenopsis*) dan orkid tanah seperti *jewel* (*anoeochilus*) dan *helmet*.



Foto: FARIZWAN HASBULLAH

mengetui beberapa projek penyelidikan yang dibayoi oleh geran tempatan dan antarabangsa.

Rusea aktif bekerjasama dengan agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menyediakan penilaian status spesies orkid mengikut kriteria IUCN Red List selain menjadi wakil negara dalam Orchid Specialist Group di bawah Suruhanjaya Spesies IUCN.

Tidak keterluan dikatakan, tanpa penyelidikan dan usaha pemuliharaan daripada wanita ini, orkid mungkin diancam kepupusan.

Generasi akan datang mungkin tidak lagi dapat melihat keindahan flora yang penuh dengan keunikan, sekali gus menganggu biodiversiti semula jadi.

Beliau tidak menyangkal,



MENERAHKAN lukisan orkid yang dinamakan sempena nama Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin laju Dendrobium Mizonii.

## TINGKAT KESEDARAN

Enggan berpeluk tubuh, Rusea berganding bahu dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (UPSM) memberi kursus kepada pengusaha tapak semaihan, pengumpul orkid, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia mengenai kawalan kelur masuk orkid ke sempadan negara dan akta-akta perhutanan dan hasil-hasil hutan yang diguna pakai di Malaysia.

“Dalam bengkel ini, kami memberi pengenalan kepada jenis-jenis orkid untuk memberi pengetahuan mengenai orkid liar dan hibrid.

“Saya rasa inisiatif ini perlu diteruskan bukan hanya kepada imigresen dan kastam tetapi masyarakat bagi mendidik orang ramai mengenai benda-benda yang haram diambil daripada hutan simpan,” jelasnya.

Ketika ini, fokusnya tertumpu kepada pemuliharaan *in situ* dan *ex situ* orkid terancam melalui penubuhan koleksi hidup dan herbarium.

Pada 2019, UPM dan JPNM telah membangunkan Taman Konservasi Orkid Liar

Tengku Permaisuri Norashikin di Bukit Fraser.

“Pada awal penubuhan, taman ini menyimpan 100 spesies orkid dari hutan Hulu Selangor, namun oleh kerana dana yang dijanjikan tidak disalurkan dan pihak yang bersetuju untuk menyelenggaranya juga tidak menjalankannya, maka taman ini tinggal rangka dan beberapa spesies sahaja.

“Saya menyeru mana-mana pihak yang bermurah hati, badan korporat, kerajaan negeri dan para dermawan untuk tampil memberi dana membantu saya membangunkan semula dan menyelenggara koleksi ini nanti,” jelasnya.

“Saya rasa inisiatif ini perlu diteruskan bukan hanya kepada imigresen dan kastam tetapi masyarakat bagi mendidik orang ramai mengenai benda-benda yang haram diambil daripada hutan simpan,” jelasnya.

Ketika ini, fokusnya tertumpu kepada pemuliharaan *in situ* dan *ex situ* orkid terancam melalui penubuhan koleksi hidup dan herbarium.

Pada 2019, UPM dan JPNM telah membangunkan Taman Konservasi Orkid Liar



**MENGIRINGI**  
Tengku  
Permaisuri  
Norashikin  
ketika majlis  
memasyhurkan  
orkid *Vanda*  
*Norashikimana*.

**Daripada kira-kira 4,000 spesies orkid di negara ini, kebanyakannya di ambang kepupusan dan ada juga yang belum ditemui serta dinamakan.”**

## TEMPUH CABARAN

Semuanya bermula apabila beliau mendapat tugasan melakukan penyelidikan di gua batu kapur di Perlis.

Hatinya terputus saat pertama kali melihat keindahan flora itu, lalu, timbul hasrat untuk memeliharanya.

Sejak itu, beliau tidak berpaling lagi walaupun kerja yang dipilih itu menuntut cabaran yang besar untuk meneroka segenap inci belantara.

“Cabaran biasanya dari segi cuaca buruk, kawasan sukar diakses dan risiko keselamatan.

“Namun, saya tananginya melalui perancangan rapi, latihan pasuun lapangan serta membina rangkaian kerjasama dengan komuniti setempat dan agensi seperti Jabatan Perhutanan Negeri dan JPSM.

“Saya melihat cabaran sebagai peluang untuk membina ketahanan, memperkuuh jaringan kerjasama dan memambah baik metodologi penyelidikan. Semangat saya terhadap pemuliharaan dan cinta terhadap tumbuhan sentiasa menjadi pendorong utama untuk terus maju.

## PUSAT RUJUKAN

Berkongsi perancangan masa depan, wanita ini mengimpikan untuk mewujudkan Pusat Rujukan Orkid Malaysia yang menggabungkan koleksi hidup herbarium dan pangkalan data digital yang dapat diakses oleh penyelidik, pelajar dan agensi pemuliharaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Selain itu, beliau mahu memperluas pemetaan dan dokumentasi spesies orkid di kawasan yang kurang diteroka terutama di Sabah dan Sarawak serta kawasan hutan bukit dan tanah tinggi yang diancam kepupusan.

“Saya mahu melatih generasi baharu saintis botanik melalui program penyelidikan, latihan lapangan dan perkongsian ilmu agar warisan penyelidikan ini dapat diteruskan.

“Saya juga berharap menghasilkan lebih banyak penerbitan ilmiah dan buku sebagai sumber rujukan jangka panjang serta bahan pendidikan awam untuk meningkatkan kesedaran tentang orkid dan biodiversiti negara,” jelasnya.

## IMBANGI KERJAYA, KELUARGA

Kesibukan sebagai pensyarah dan penyelidik bukan penghalang untuk meluangkan masa berkualiti bersama keluarga.

Ibu kepada empat anak ini menjadikan waktunya masuk ke hutan sebagai masa bersama anak-anak.

“Sejak kecil, saya bawa anak masuk ke hutan bersama-sama dan mereka sukannya.

“Sambil bekerja, saya tetap boleh meluangkan masa bersama anak-anak, jadi tiada masalah,” katanya.

